

# Jaminan PM, Fima bukan nak monopoli restoran

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan, penglibatan FIMA dalam bidang restoran melalui Restoran FIMA Rantel bukan untuk memonopoli bidang itu atau bersaing dengan peniaga Bumiputera lain.

Tetapi, katanya, pembukaan restoran tersebut dengan usahasama lima syarikat makanan terkenal Jepun akan membuka lebih banyak peluang kepada peniaga Bumiputera memasuki perniagaan restoran menerusi pemberian 'franchise'.

Perdana Menteri menegaskan demikian sewaktu merasmikan Restoran FIMA Rantel yang pertama di negara ini.

Beliau menambah, usaha mengadakan restoran itu di negara ini supaya ia dapat menolong kerajaan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga memberitahu, Syarikat FIMA Rantel (Malaysia) Sdn Bhd., akan juga menyediakan kemudahan latihan termasuk pengurusan kepada mereka yang berminat dalam bidang restoran.

"Membuka restoran bukan hanya boleh dengan pandal memasak

sahaja, tetapi mestilah juga tahu selok-belok pengurusan," ujar beliau.

Justeru itu, kata beliau, para pemegang 'franchise' Restoran FIMA Rantel tidak akan mengalami masalah dalam pengurusan kerana ia akan diuruskan oleh Syarikat FIMA Rantel sendiri.

Restoran FIMA Rantel ialah usahasama antara FIMA, Kawansetia Sdn. Bhd. (sebuah syarikat milik Bumiputera) dan lima syarikat makanan terkenal dari Jepun, Phoenix Co Ltd., Chalon Co. Ltd, Daiei Inc, Komono dan Stanton Inc. dan Ueshime Coffe Co. Ltd.